

MDAB UiTMCPP OUTREACH

BERGEGAR LAGI

Disediakan oleh Wan Zarina Wan Kamaruddin

Diketuai oleh Puan Suhaiza Hasan selaku koordinator program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) UiTM Cawangan Pulau Pinang, pasukan MDAB melebarkan jangkauan memperkenalkan program ini selama dua hari berturut-turut kepada peserta STAR CAMP 2018 Seminar Transformasi Rakyat Parliment Tasek Gelugor dan Parliment Balik Pulau.

Program yang berlangsung pada 3 dan 4 Mac 2018 itu berjaya mengumpul pelajar serta ibubapa untuk mendengar pengisian dan pencerahan keistimewaan program yang ditawarkan. Turut serta memperkuuhkan jentera pasukan MDAB ialah unit Misi Akademik UiTM Cawangan Pulau Pinang.



Para pensyarah daripada Jabatan Sains Gunaan (JSG) turut turun padang bagi menjayakan gerak kerja ini.

Demi anak bangsa, warga JSG sanggup berkorban apa saja.